



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 49
No. 4

16hb Februari 2006

*TAMBAHAN No. 2
ENAKMEN*

Enakmen-enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, adalah diterbitkan menurut Fasal (3) Perkara 62 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis:

The following Enactments, passed by the Perlis State Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Ruler, are published pursuant to Clause (3) of Article 62 of the Laws of the Constitution of Perlis:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
Enakmen A1	Enakmen Perbekalan Tambahan Yang Pertama (2004) Tahun 2006 First Supplementary Supply (2004) Enactment 2006
Enakmen A2	Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2006 Members of the Administration and the Legislative Assembly (Remuneration) (Amendment) Enactment 2006



UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen A1

ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN YANG
PERTAMA (2004) TAHUN 2006

Tarikh Persetujuan DiRaja 2 Februari 2006

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* 16 Februari 2006

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen A1

ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN YANG PERTAMA (2004) TAHUN 2006

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SYED FAIZUDDIN
PUTRA JAMALULLAIL
Pemangku Raja Perlis

3 Muharam 1427
2 Februari 2006

Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan dalam tahun 2004 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud tertentu.

[]

BAHAWASANYA wang sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Sembilan Juta Sembilan Ratus Lima Puluh Lapan Ribu (RM59,958,000.00) telahpun diperuntukkan oleh Enakmen Perbekalan Tahun 2004.

DAN BAHAWASANYA sekarang ini dikehendaki pula diadakan suatu peruntukan tambahan sebanyak Ringgit Malaysia Enam Juta Tujuh Ratus Sembilan Puluh Dua Ribu Empat Belas Sahaja (RM6,792,014.00).

MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Yang Pertama (2004) Tahun 2006.

Peruntukan tambahan tahun 2004

2. (1) Dengan ini adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Enam Juta Tujuh Ratus Sembilan Puluh Dua Ribu Empat Belas (RM6,792,014.00) daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan di dalam Jadual di bawah ini bagi perkhidmatan tahun 2004 yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan dengan secukupnya oleh Enakmen Perbekalan 2004.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan di dalam Jadual yang tersebut di bawah ini.

JADUAL PERTAMA

Maksud (1)	Tajuk (2)	Jumlah Peruntukan (3) RM
B. 01 ...	Pejabat Pentadbiran D.Y.M.M. Tuanku Raja	124,910.00
B. 04 ...	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	1,063,572.00
B. 05 ...	Pelbagai Perkhidmatan	5,030,100.00
B. 06 ...	Perbendaharaan Negeri	57,770.00
B. 09 ...	Jabatan Kerja Raya	167,900.00
B. 12 ...	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	76,572.00
B. 13 ...	Jabatan Pengairan dan Saliran	94,700.00
B. 16 ...	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	39,000.00
B. 17 ...	Pejabat Mufti	39,720.00
B. 18 ...	Mahkamah Syariah	16,100.00

Maksud (1)	Tajuk (2)	Jumlah Peruntukan (3) RM
B. 23	... Jabatan Perhutanan	17,780.00
B. 25	... Jabatan Tanah dan Galian	63,890.00
JUMLAH		6,792,014.00

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 7 September 2005.
[SUK(Ps.) 05/298]

AHMAD BIN ZAKARIA
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis*



LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment A1

**FIRST SUPPLEMENTARY SUPPLY (2004)
ENACTMENT 2006**

Date of Royal Assent	...	...	...	2 February 2006
Date of publication in the <i>Gazette</i>	...	...	...	16 February 2006

Publisher's Copyright ©

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of **Percetakan Nasional Malaysia Berhad** (Appointed Printer to the Government of Malaysia).

LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment A1

FIRST SUPPLEMENTARY SUPPLY (2004) ENACTMENT 2006

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SYED FAIZUDDIN
PUTRA JAMALULLAIL
Regent of Perlis

2 February 2006
3 Muharam 1427

An Enactment to apply a sum out of the Consolidated Fund for the additional expenditure for the services of the year 2004 and to appropriate such a sum for certain purposes.

[]

WHEREAS the sum of Fifty Nine Million Nine Hundred and Fifty Eight Thousand Ringgit Malaysia (RM59,958,000.00) has been provided for by the Supply Enactment 2004.

AND WHEREAS it is now requisite to make a further provision of Six Million Seven Hundred and Ninety Two Thousand and Fourteen Ringgit Malaysia (RM6,792,014.00).

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of Perlis as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as the First Supplementary Supply (2004) Enactment 2006.

Additional expenditure for the year 2004

2. (1) The issue of a sum not exceeding Six Million Seven Hundred and Ninety Two Thousand and Fourteen Ringgit Malaysia (RM6,792,014.00) out of the Consolidated Fund for the Expenditure on the services for the year 2004 not provided or not fully provided for by the Supply Enactment 2004 is hereby authorised.

(2) The said sum is appropriated for the purposes specified in the Schedule hereto.

FIRST SCHEDULE			Total Appropriated
Purpose (1)	Title (2)		(3) RM
B. 01 ...	Administration Office of His Royal Highness Raja of Perlis		124,910.00
B. 04 ...	Menteri Besar and State Secretary Office		1,063,572.00
B. 05 ...	Miscellaneous Services		5,030,100.00
B. 06 ...	State Treasury		57,770.00
B. 09 ...	Public Works Department		167,900.00
B. 12 ...	Veterinary Department		76,572.00
B. 13 ...	Drainage and Irrigation Department		94,700.00
B. 16 ...	Islamic Religious Affairs Department		39,000.00
B. 17 ...	Mufti Office		39,720.00
B. 18 ...	Syariah Court		16,100.00
B. 23 ...	Forestry Department		17,780.00
B. 25 ...	Land and Mines Department		63,890.00
TOTAL			6,792,014.00

Passed in the State Legislative Assembly this 7 September 2005.
[SUK(Ps.) 05/298]

AHMAD BIN ZAKARIA
Secretary of the State Legislative Assembly
Perlis



UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen A2

ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN
AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI
(SARAAN) (PINDAAN) 2006

Tarikh Persetujuan DiRaja 2 Februari 2006

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* 16 Februari 2006

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen A2

ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (SARAAN) (PINDAAN) 2006

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SYED FAIZUDDIN
PUTRA JAMALULLAIL
Pemangku Raja Perlis

3 Muharam 1427
2 Februari 2006

Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2006.

Pindaan seksyen 3, 4 dan 6

2. (1) Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980, yang disebut "Enakmen ibu" dalam Enakmen ini adalah dipinda:

(a) dengan menggantikan seksyen 3 dengan seksyen yang berikut:

“Saraan bagi Ahli Dewan Undangan Negeri. 3. Saraan bagi Ahli Dewan Undangan Negeri hendaklah berupa elaun bulanan sebanyak Empat Ribu Satu Ratus Dua Belas Ringgit Tujuh Puluh Sembilan Sen (RM4,112.79).”;

(b) dengan menggantikan seksyen 4 dengan seksyen yang berikut:

“Saraan bagi Speaker. 4. Saraan bagi Speaker hendaklah berupa gaji bulanan sebanyak Enam Ribu Satu Ratus Sembilan Ringgit Dua Puluh Sembilan Sen (RM6,109.29) selain dari elaun bulanan yang kena dibayar kepadanya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri seperti yang dinyatakan dalam seksyen 3.”; dan

(c) dengan menggantikan subseksyen 6(1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Saraan bagi Anggota Pentadbiran hendaklah berupa:

(a) bagi Menteri Besar, gaji bulanan sebanyak Empat Belas Ribu Satu Ratus Tujuh Puluh Lima Ringgit Lima Belas Sen (RM14,175.15);

(b) bagi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, gaji bulanan sebanyak Enam Ribu Satu Ratus Sembilan Ringgit Dua Puluh Sembilan Sen (RM6,109.29).”.

(2) Subseksyen 6(1) hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2004.

(3) Walau apa pun seksyen 7 Enakmen ibu, semua gaji dan elaun bulanan yang dinyatakan dalam pindaan-pindaan kepada Enakmen ibu dalam subseksyen (1) dan kena dibayar hendaklah bermula dari 1 Januari 2004 atau dari tarikh pelantikan atau pilihanraya, mengikut mana yang terkemudian bagi Ahli itu.

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 7 September 2005.
[SUK(Ps.) 05/292]

AHMAD BIN ZAKARIA
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis*



LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment A2

MEMBERS OF THE ADMINISTRATION AND THE
LEGISLATIVE ASSEMBLY (REMUNERATION)
(AMENDMENT) ENACTMENT 2006

Date of Royal Assent	...	...	...	2 February 2006
Date of publication in the <i>Gazette</i>	...	...	...	16 February 2006

LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment A2

MEMBERS OF THE ADMINISTRATION AND THE LEGISLATIVE ASSEMBLY (REMUNERATION) (AMENDMENT) ENACTMENT 2006

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SYED FAIZUDDIN
PUTRA JAMALULLAIL
Regent of Perlis

2 February 2006
3 Muharam 1427

An Enactment to amend the Members of the Administration and the Legislative Assembly (Remuneration) Enactment 1980.

[]

BE IT ENACTED by the Legislature of the State of Perlis as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as the Members of the Administration and the Legislative Assembly (Remuneration) (Amendment) Enactment 2006.

Amendment of section 3, 4 and 6

2. (1) The Members of the Administration and the Legislative Assembly (Remuneration) Enactment 1980, which in this Enactment is referred to as the “principal Enactment” is amended:

(a) by substituting for section 3 the following section:

“Remuneration of the Members of the Legislative Assembly. **3.** The Remuneration of the Members of the Legislative Assembly shall consist of a monthly allowance of Four Thousand One Hundred and Twelve Ringgit and Seventy Nine Cents (RM4,112.79).”;

(b) by substituting for section 4 the following section:

“Remuneration of the Speaker. **4.** The Remuneration of the Speaker shall consist of a monthly salary of Six Thousand One Hundred and Nine Ringgit and Twenty Nine Cents (RM6,109.29) in addition to the monthly allowance payable to him as a Member of the Legislative Assembly specified in section 3.”; and

(c) by substituting for subsection 6(1) the following subsection:

“(1) The Remuneration of the Members of the Administration shall consist of:

(a) in the case of Menteri Besar, a monthly salary of Fourteen Thousand One Hundred and Seventy Five Ringgit and Fifteen Cents (RM14,175.15);

(b) in the case of a Members of the Executive Council a monthly salary of Six Thousand One Hundred and Nine Ringgit and Twenty Nine Cents (RM6,109.29).”.

(2) Subsection 6(1) shall be deemed to have come into force on the 1 January 2004.

(3) Notwithstanding section 7 of the principal Enactment, all monthly salaries and allowances specified in the amendments to the principal Enactment in subsection (1) and payable shall commence from the 1 January 2004 or from the date of appointment or election, whichever is the later of the Members concerned.

Passed in the State Legislative Assembly this 7 September 2005.
[SUK(Ps.) 05/292]

AHMAD BIN ZAKARIA
*Secretary of the State Legislative Assembly
Perlis*

